

15 OCT 1998

Komanwel-Akhbar

PERSIDANGAN KESATUAN AKHBAR KOMANWEL DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Lebih 200 pengarang dan wartawan dari seluruh dunia dijangka menghadiri Persidangan Kesatuan Akhbar Komanwel yang akan berlangsung selama empat hari bermula 26 Okt ini di ibu negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan dasar di persidangan itu yang turut menjemput penceramah-penceramah seperti bekas Gabenor Hong Kong Chris Patten dan Menteri Luar New Zealand Don Mackinnon.

Menurut para penganjur iaitu Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) dan Persatuan Penerbit Akhbar-akhbar Malaysia persidangan yang bertema "Eye Of The Tiger" itu akan turut memperuntukan masa bagi penyertaan perwakilan.

Hari pertama persidangan akan menumpu kepada trend serantau di Asia Tenggara sementara pada hari kedua, perwakilan akan dibahagikan kepada dua kumpulan untuk membahaskan tajuk "Melaporkan Di Bawah Regim Penindasan" dan "Melobi Secara Berkesan Bagi Kebebasan Akhbar".

Juga akan diadakan sesi yang mana para peserta dikemukakan satu laporan daripada Forum Pengarang selama tiga hari yang bermula 21 Okt di Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang.

Hari ketiga akan menumpukan kepada perbincangan mengenai situasi di setiap negara Komanwel dan masa depan CPU.

Di hari terakhir, para penceramah akan mengimbas masa depan media cetak di alaf akan datang dan akan mengkaji sama ada era digital mengugat media tradisional.

Turut dibincangkan dalam persidangan itu ialah soal sulit dan peribadi serta kawal selia diri.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Annie/Samsina melalui talian 2823322 samb 313/397.

-- BERNAMA

RA PR